

SEP 2024 / BIL. 12 / 2024

# EON

*Epitome of Nature*

SIFAR KEMISKINAN DAN KELAPARAN



MAJALAH PP BIOLOGI  
UITMCNS

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



# UDANG TANAH: PROSPEK PENTERNAKAN YANG MASIH BELUM DI TEROKAI

Shamrulazhar bin Shamzir Kamal<sup>1</sup>, Muhamad Nasrullah bin Zamri<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Universiti Malaysia Sarawak, 94300, Kota Samarahan, Sarawak.

<sup>2</sup>Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak

skshamrulazhar@unimas.my

EDITOR: SARAH SHAZWANI ZAKARIA

## Pendahuluan

Bersepit, badan mirip seakan lobster namun bersusur galur udang, tetapi ianya bukan udang mahupun lobster. Ianya dikenali juga sebagai udang tanah, ngoang atau mang sebagai nama jolokan yang diberikan oleh penduduk setempat dan nama saintifiknya ialah *Thalassina anomala* (Gambar 1). Haiwan ini biasanya boleh ditemui di kawasan berpaya di Sarawak dan Sabah, serta di Semenanjung Malaysia, ada terdapat di Terengganu dan Selangor (Khalid, 2016). Organisma malam atau nocturnal organism ini bukan sahaja mendiami pinggir laut berbakau malah haiwan ini mampu membina habitat dan merebak ke kawasan persekitaran paya bakau yang tanahnya berair. Ugang tanah kebiasaannya membuat sarang yang menyerupai busut (Gambar 2). Ia terkenal dengan aktiviti menggali dengan menyodok dan menggali serpihan tanah serta organik ke permukaan menggunakan

sepasang set penyepit (*carapace*) sehingga terbina timbunan lumpur. Pada masa yang sama, haiwan ini memperoleh sumber makanan daripada lumpur dan pasir hasil daripada aktiviti menggalnya (Zakaria et al., 2019 & Voris & Murphy, 2002). Aktiviti menggali oleh haiwan ini juga memainkan peranan yang sangat penting dalam ekosistem paya bakau. Aktiviti menggali yang dilakukan pada tanah paya bakau memberikan kitaran nutrien dan perolehan tanah yang baik.

## Kelebihan dan Khasiat Ugang Tanah

Kehadiran udang tanah dianggap bermusim.



Gambar 1: Rupa bentuk udang tanah yang telah dijumpai (Sumber: Koleksi peribadi penulis)



Gambar 2: Habitat udang tanah yang membina busut yang terhasil daripada aktiviti menggali (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Ugang tanah ini hanya akan muncul di permukaan tanah selepas hujan lebat, terutamanya pada musim tengkujuh. Penduduk setempat kebiasaannya bagaikan berpesta makan udang tanah kerana haiwan ini hanya akan keluar dari sarangnya apabila busutnya digenangi air yang banyak. Bagi masyarakat di Sarawak, haiwan ini dijadikan sumber makanan dan dimasak dalam pelbagai bentuk hidangan yang lazat. Menurut penduduk setempat, udang tanah ini lebih mirip kepada rasa udang, dan mereka juga percaya bahawa memakan udang tanah ini mampu untuk menyembuh penyakit asma, namun tiada kajian saintifik yang dapat mengesahkannya. Dari segi aspek syariah pula, memakan udang tanah adalah halal dan ia boleh dimakan memandangkan penduduk

setempat menganggapnya suatu juadah istimewa dan tidak memudaratkan (Zulkilfi, 2022).

### Udang Tanah Sebagai Prospek Aktiviti Penternakan

Walaupun kehadiran udang tanah bersifat bermusim, dari sudut positif, ia membuka peluang pendapatan sampingan kepada para nelayan, terutamanya semasa musim tengkujuh. Musim tengkujuh membataskan aktiviti nelayan di laut untuk mencari sumber pendapatan, dan dalam keadaan ini, mereka dapat menangkap udang tanah sebagai juadah makanan keluarga ataupun menjualnya untuk menambah pendapatan. Menurut Khalid (2016), udang tanah boleh dijual pada harga yang agak lumayan. Ini secara tidak langsung mampu meningkatkan sosioekonomi masyarakat setempat. Pada masa yang sama juga, ia menjadi sumber alternatif protein, sekaligus meningkatkan kestabilan bekalan makanan (Gambar 3).

Walaupun penjualan udang tanah berlaku, hasilnya masih terhad. Pelbagai faktor menyumbang kepada kurangnya populasi udang tanah, termasuk penerokaan tanah paya bakau untuk tujuan pembangunan atau projek penternakan akuakultur. Dengan populasi yang sedikit tetapi permintaan yang tinggi, prospek udang tanah dalam aktiviti penternakan perlu diterokai lebih lanjut. Kajian yang mendalam perlu dilakukan untuk membantu para nelayan sebagai alternatif sumber pendapatan pada masa hadapan.



Gambar 3: Keunikan rupa bentuk udang tanah yang diambil dari jarak dekat.

(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Kendatipun begitu, teknik penternakan udang tanah masih belum diterokai sepenuhnya dan udang tanah ini boleh dilihat sebagai prospek masa depan disebabkan oleh keunikannya tersendiri. Justeru, pelbagai pihak seperti kerajaan, agensi agroteknologi dan institusi pendidikan tinggi perlu bekerjasama untuk menjalankan kajian terperinci. Hasil kajian tersebut diharapkan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat setempat dalam merealisasikan aktiviti penternakan udang tanah secara komersial.

### Peranan Kerajaan, Agensi & Universiti bagi Menjayakan Aktiviti Penternakan Udang Tanah

Bagi menjayakan aktiviti penternakan udang tanah,

pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan sokongan dari segi kewangan dan fasiliti. Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga boleh turut sama membantu dengan meningkatkan promosi mengenai keunikan udang tanah ini.

Selain itu, pihak universiti perlu memainkan peranan yang signifikan dalam menjalankan kajian saintifik terperinci mengenai udang tanah ini. Kajian ini penting untuk memahami habitat dan kelebihan udang tanah dengan lebih mendalam, memandangkan kajian saintifik yang ada masih terhad,

terutamanya di Malaysia. Hasil kajian ini dapat membantu bakal penternak udang tanah dalam melaksanakan aktiviti penternakan dengan lebih efisien pada masa hadapan, termasuk dengan menerapkan elemen teknologi kecerdasan buatan (AI).

Tuntasnya, kerjasama dan sokongan daripada pihak kerajaan serta universiti adalah kritikal untuk merealisasikan aktiviti penternakan udang tanah. Dengan usaha bersama, prospek penternakan udang tanah boleh menjadi realiti dan memberi manfaat yang besar di masa hadapan.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, udang tanah berpotensi menjadi komponen penting dalam industri penternakan negara jika mendapat sokongan yang menyeluruh. Semua pihak perlu berusaha dan bertekad untuk memastikan bahawa udang tanah dapat diternak dan dikomersialkan dengan berkesan, demi menjana keuntungan serta meningkatkan kestabilan bekalan makanan di masa hadapan. Persis kata peribahasa, "Yang bulat tidak bergolek, yang pipih tidak melayang". Inisiatif ini berkait rapat dengan Matlamat

Pembangunan Mampan (SDG) 1 dan 2, yang bertujuan menghapuskan kemiskinan dan mengakhiri kelaparan secara global. Dengan memanfaatkan potensi udang tanah secara bijak, ia dapat memberi sumbangan positif dalam mencapai matlamat ini dan memastikan kelestarian sumber daya serta kestabilan ekonomi dalam sektor penternakan.

## Rujukan

